

---

Title	Tentang ungkapan: 'Salin tak tumpah'
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

---

Copyright © 1992 Muhammad Ariff bin Ahmad

Haji Muhammad Ariff Ahmad

Sari Bahasa

SBC W94.2 92002

Apr 02 1992

tentang ungkapan: '**salin tak tumpah**'

Sepanjang bulan bahasa yang berakhir pada 29 Februari lalu, kita tersua dengan sekurang-kurangnya tiga makalah menggunakan ungkapan **salin tak tumpah** yang tertulis dengan sebutan **saling tak tumpah**. Pasti semua orang tahu bahawa makna **salin** dengan **saling** itu tidak sama.

Kekata **salin** bermakna 'tukar' atau 'ganti'; manakala makna **saling** itu pula ialah 'sama-sama', yakni 'sama-sama melakukan'. Maka ungkapan yang sebenarnya ialah **salin tak tumpah**, bukan **saling tak tumpah**.

Ungkapan **salin tak tumpah** itu telah terbit daripada iktibar kelakuan orang memindahkan air dari satu botol ke botol yang lain. Jika perpindahan air dari botol asal ke botol baru itu tidak tumpah nescaya kandungan air dalam botol baru itu persis sama banyaknya dengan isi air yang di dalam botol asalnya.

Lama kelamaan, kepersisan banyak air dalam botol tadi berpindah kepada kepersisan sifat atau kelakuan anak di-banding dengan sifat atau kelakuan induknya; kemudian meluas pula kepada kepersisan yang lain. Dua benda yang kebetulan dalam keadaan persis serba sama dinyatakan dengan sebutan ungkapan '**salin tak tumpah**'.

Kekata **bersalin** yang disebut dalam bahasa biasa dengan makna 'bertukar' itu akan memberikan makna lain jika ia digunakan dalam bahasa eufemia atau kiasan halus.

Dalam bahasa biasa, misalnya dalam wacana: **lama juga dia bersalin pakaian**, kekata **bersalin pakaian** itu bermakna 'bertukar pakaian' dengan menanggalkan pakaian yang dipakai dan menggantikannya dengan pakaian baru. Tetapi, dalam bahasa eufemia atau kiasan halus, misalnya dalam wacana: **dia pergi melawat isterinya yang sedang bersalin di hospital Kandang Kerbau**, kekata **bersalin** itu memberi makna 'melahirkan bayi' atau 'beranak'.

sekian dulu.